

# **LAMPIRAN II**

## **GARIS PANDUAN ANUGERAH PIDATO KUALITI PERINGKAT LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

---

### **TUJUAN GARIS PANDUAN**

Dokumen ini merupakan Garis Panduan kepada semua kakitangan untuk menyertai program Pertandingan Pidato Kualiti LKIM.

### **1. LATAR BELAKANG PIDATO KUALITI LKIM**

Pertandingan Pidato Kualiti LKIM mula diperkenalkan di LKIM pada tahun 1993 tetapi telah tidak diteruskan bermula pada tahun 1995 berikutan tiada sambutan dari kakitangan LKIM.

Pada tahun 2005, pihak Pengurusan LKIM telah memutuskan supaya pertandingan ini diadakan semula. Pada tahun 2005 dan 2006, pertandingan ini telah menerima sambutan yang agak baik dari kakitangan LKIM.

Pada Pertandingan Pidato Kualiti tahun 2006, panel hakim telah mencadangkan supaya calon-calon pertandingan diberikan kursus terlebih dahulu. Ini kerana, peserta-peserta pertandingan dilihat mempunyai potensi yang amat baik tetapi masih kekurangan kemahiran dalam berpidato. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2007 ini, pihak urusetia akan mengadakan Kursus yang berkaitan kepada calon-calon.

### **2. TUJUAN PERTANDINGAN KUALITI PIDATO KUALITI LKIM**

Pertandingan pidato ini diwujudkan adalah bertujuan untuk :

- a. Menggalakkan lebih ramai kakitangan LKIM supaya berkeyakinan semasa membuat ucapan di khalayak ramai.
- b. Membantu dalam pembentukan minda yang kreatif dan inovatif di kalangan pegawai dan kakitangan LKIM bagi meningkatkan hasil kerja dan produktiviti di LKIM.
- c. Mencungkil dan mengasah bakat dalam seni Pidato di kalangan pegawai dan kakitangan LKIM.
- d. Memberi pengiktirafan kepada individu yang telah berjaya menyampaikan Pidato Kualiti LKIM yang baik.

### **3. KATEGORI PERTANDINGAN PIDATO KUALITI LKIM**

Dua kategori akan dipertandingkan untuk Anugerah Pidato Kualiti LKIM iaitu :

- a. Lelaki
- b. Wanita

### **4. ANUGERAH PERTANDINGAN PIDATO KUALITI LKIM**

Pihak Pengurusan LKIM telah memutuskan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan yang berjaya dalam Pertandingan Kualiti LKIM adalah seperti berikut :

| <b>BENTUK ANUGERAH</b> | <b>ANUGERAH</b>                          |
|------------------------|--|
| a) JOHAN               | RM1,000.00, Piala Pusingan, Plak & Sijil |
| b) NAIB JOHAN          | RM700.00, Plak & Sijil                   |
| c) KETIGA              | RM500.00, Plak & Sijil                   |
| d) SAGUHATI            | RM100.00 dan Sijil                       |

Sekiranya terdapat banyak penyertaan, pertandingan saringan akan dibuat mengikut Negeri atau Zon. Anugerahnya adalah seperti berikut :

| <b>BENTUK ANUGERAH</b> | <b>ANUGERAH</b>    |
|------------------------|--------------------|
| a) JOHAN               | RM300.00 dan Sijil |
| b) NAIB JOHAN          | RM200.00 dan Sijil |
| c) KETIGA              | RM100.00 dan Sijil |
| d) SAGUHATI            | RM50.00 dan Sijil  |

## 5. TATACARA PENYERTAAN

### a. Syarat-Syarat Penyertaan

- i. Terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan LKIM
- ii. Setiap individu bebas memilih topik berdasarkan tema yang ditetapkan.
- iii. Isi kandungan mestilah hasil usaha sendiri dan bukannya ditiru (ciplak).
- iv. Borang penyertaan hendaklah sampai kepada urusetia sebelum atau pada 31 Julai 2008.
- v. Pidato perlu disampaikan dalam Bahasa Malaysia.
- vi. Semua borang penyertaan yang dihantar perlulah mendapat persetujuan daripada Pengarah Negeri atau Bahagian masing-masing.

### b. Tema Pidato

1. PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN DI LKIM
2. SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA
3. INTEGRITI ASAS KECEMERLANGAN

## 6. KRITERIA-KRITERIA PENGHAKIMAN / PEMARKAHAN

Kriteria-kriteria pemarkahan yang akan digunakan dalam penilaian penyampaian pidato tersebut adalah seperti berikut :

| <b>BIL</b> | <b>KRITERIA</b>  | <b>MARKAH PENILAIAN</b> |
|------------|------------------|-------------------------|
| 1          | Isi dan olahan   | 25%                     |
| 2          | Gaya persembahan | 25%                     |
| 3          | Gaya berbahasa   | 20%                     |
| 4          | Kelancaran       | 20%                     |
| 5          | Ketepatan masa   | 10%                     |
|            | <b>JUMLAH</b>    | <b>100%</b>             |

Keputusan panel hakim adalah muktamad.

## 7. JADUAL PERTANDINGAN PIDATO

Sekiranya terdapat banyak pencalonan yang diterima, pertandingan saringan akan diadakan, dijangka bermula pada bulan Julai dan Ogos 2008. Pertandingan akhir peringkat Kebangsaan dijangka akan diadakan pada bulan November 2008. Keputusan Pertandingan Pidato akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik. Keputusan pertandingan akan diumumkan pada Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti dan Produktiviti LKIM pada bulan November 2008.

**8. AHLI JAWATANKUASA PERTANDINGAN PIDATO LKIM**

**Pengerusi** : **En. Ismail Abbas**

**Ahli** : **Cik Rashima binti Baharuddin**  
**En. Mohd Kharais Jamaludin**  
**Tuan Haji Kamal Azmi bin Abd Samad**  
**Puan Aisyah Maamor**  
**Puan Noraidar Ujang**  
**Puan Norlizah binti Mohd Said**

**Urusetia** : **En. Mohd Sukri bin Awang**

**9. CARA DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Borang permohonan ini hendaklah dikemukakan kepada urusetia pada atau sebelum **31 Julai 2008** di alamat seperti berikut :

Urusetia  
Jawatankuasa Pidato Dan Esei Kualiti LKIM Tahun 2007  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
**KUALA LUMPUR**  
(u.p. **Puan Noraidar binti Ujang**  
Seskyen Peperiksaan Dan Kompetensi)